



IBU PEJABAT
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Aras 5-9, No. 47, Persiaran Perdana Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya



Tel : 03-8891 2682
Faks : 03-8889 2312
Laman Web : www.kemas.gov.my

Rujukan Kami: KEMAS 500-8/1 4/18 Jld. 4(13)
Tarikh : 10 Oktober 2024
7 Rabiulakhir 1446H

Pengarah KEMAS Negeri Wilayah Persekutuan
Pengarah KEMAS Negeri Selangor
Pengarah KEMAS Negeri Melaka
Pengarah KEMAS Negeri Negeri Sembilan
Pengarah KEMAS Negeri Johor

Tuan/puan,

**BENGGEL PEMURNIAN DATA SEWAAN PREMIS TABIKA/ TASKA
KEPADA KAKITANGAN KEMAS SIRI 1 TAHUN 2024**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagai makluman pihak tuan, Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak (BPAK), Ibu Pejabat Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bercadang untuk menganjurkan Bengkel Pemurnian Data Sewaan Premis TABIKA/ TASKA Kepada Kakitangan KEMAS Tahun 2024. Bengkel ini akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 20 hingga 23 Oktober 2024 (Ahad - Rabu)
Tempat : Hotel The Pearl Kuala Lumpur
Batu 5, Jalan Klang Lama, 58000
Kuala Lumpur
Check in : 3.00 petang
Taklimat : 4.00 petang – Lokasi akan dimaklumkan
kemudian

3. Untuk makluman tuan/puan, objektif bengkel ini diadakan adalah seperti berikut:

- (i) Memberi pendedahan tentang tatacara, proses dan prosedur permohonan sewaan bangunan TABIKA/TASKA.
- (ii) Memberi pendedahan dan kefahaman tentang penggunaan dan cara pengisian sebenar borang Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP) kepada peserta menggunakan Sistem MySRP dan Sistem SBBPH.

- (iii) Memberi kefahaman tentang peranan setiap ahli Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP) dalam proses permohonan.
- (iv) Memberi pendedahan dan kefahaman tentang proses dan prosedur mendapatkan kelulusan dari pihak-pihak berkuasa yang terlibat.

4. Sehubungan itu, sukacita dipohon kerjasama pihak tuan/puan agar dapat memberikan kebenaran dan pelepasan kepada pegawai tuan/puan seperti di **Lampiran 1** bagi menghadiri bengkel ini. Penginapan dan makan minum sepanjang bengkel ini akan disediakan oleh Bahagian manakala segala tuntutan perjalanan adalah di bawah tanggungan PTJ masing-masing.


5. Pihak tuan/puan perlu membuat pengesahan kehadiran dengan melengkapkan Borang Pengesahan Kehadiran melalui pautan <https://tinyurl.com/Bengkel-Sewaan-Siri-1> atau mengimbas kod QR di **Lampiran 2** selewat-lewatnya pada **16 Oktober 2024 (Rabu)** untuk tujuan penyelarasan selanjutnya.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh menghubungi **Encik Muhammad Azrul Aidi Philip bin Abdullah/ Puan Ainarida binti Katis** di talian **03-8891 5800/2749**. Segala pertimbangan dan kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DARNAWATI BINTI DAHALAN)
Pengarah Pendidikan Awal Kanak-Kanak
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

s.k. :

Ketua Pengarah KEMAS